

27 SEP, 2025

Projek solar kediaman berskala komuniti dilancar



Berita Harian, Malaysia

Projek solar kediaman berskala komuniti dilancar

Sime Darby Property jadi pelopor, sokong sasaran NETR

Oleh Hazwan Faisal
Mohamad dan Muhammad
Yusri Muzamir
bbbiz@nstp.com.my

Sime Darby Property Bhd muncul pemaju hartanah pertama di Malaysia yang melaksanakan projek solar kediaman berskala komuniti menerusi Mekanisme Pengagregatan Tenaga Boleh Diperbaharui Komuniti (CREAM), sekali gus menyokong aspirasi negara ke arah tenaga mampan.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Sime Darby Property, Datuk Seri Azmir Merican, berkata inisiatif itu menandakan langkah penting dalam menyokong sasaran Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), iaitu 70 peratus tenaga negara dijana daripada sumber boleh baharu menjelang 2050.

Menurutnya, model dibangunkan Sime Darby Property mengubah bumbung rumah kediaman menjadi aset penjana tenaga melalui kaedah pajakan atas bumbung, seterusnya membolehkan pemilik rumah menjadi sebahagian daripada *prosumer*, iaitu pengguna dan pengeluar tenaga.

"Projek ini bukan sahaja memberi manfaat kepada pemilik kediaman, malah turut menyokong keperluan tenaga hijau pembangunan komersial dan industri berhampiran," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Projek Solar Kediaman di bawah Program CREAM di Shah Alam, semalam.

Projek dirasmikan Timbalan Perdana Menteri yang juga



Fadillah melihat replika pameran projek kediaman selepas merasmikan Projek Solar Kediaman di bawah Program CREAM di Shah Alam, semalam.
(Foto Ahmad Ukasyah/BH)

Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Projek perintis di perbandaran utama City of Elmina itu menggunakan CREAM, yang membolehkan pemilik rumah menyewakan bumbung mereka untuk pemasangan panel solar tanpa memerlukan pelaburan awal.

Penduduk yang mengambil bahagian akan menerima pendapatan daripada sewaan ruang bumbung, selain menyumbang secara langsung kepada agenda tenaga hijau negara.

Sebagai Agregator Penjana Tenaga Tempatan (LEGA) yang dilantik, Sime Darby Property akan bertanggungjawab memasang, mengendalikan dan menguruskan infrastruktur solar dengan kerjasama GSPARX Sdn Bhd, anak syarikat Tenaga Nasional Bhd (TNB) selaku rakan teknikal.

Tenaga yang dijana melalui projek itu akan disalurkan ke Taman Inovasi Sime Darby Property yang terletak dalam radius lima kilometer dari ke-

diaman peserta dan bertindak sebagai Pengguna Hijau Tempatan (LGC).

Selain Taman Inovasi, beberapa pihak lain seperti stesen minyak, hab komersial dan sekolah berhampiran turut menyatakan minat untuk menjadi pengguna tenaga hijau, menandakan potensi besar projek ini untuk diperluas.

Babit lebih 6,000 unit rumah
Projek itu akan membabitkan lebih 6,000 unit rumah di empat kawasan kediaman di City of Elmina, iaitu Elmina Green, Elmina Garden, Ilham Residence dan Elmina Valley.

Azmir berkata, tenaga yang dijana akan menyokong pembangunan berhampiran seperti Innovation Park, manakala Sekolah Menengah Akademik Chong Hwa yang dijangka siap pada 2027 turut menyatakan minat untuk menjadi pembeli tenaga solar itu.

Menurutnya, kaedah pajakan atas bumbung memberi peluang kepada penduduk menjana pendapatan tambahan tanpa perlu

menanggung kos pemasangan panel solar.

"Pada masa sama, tenaga yang dijana menyokong pembangunan komersial dan industri voltan rendah dan sederhana berhampiran, sekali gus mengurangkan pergantungan kepada sumber tenaga berasaskan fosil," katanya.

Beliau berkata, projek itu turut memberi impak lebih luas dengan menyokong pertumbuhan industri solar tempatan serta membuka peluang pekerjaan berkemahiran tinggi, menjadikannya bukan sekadar berimpak alam sekitar, malah memacu sosioekonomi negara.

Tambahnya, transformasi tenaga berskala besar tidak mungkin dicapai tanpa kerjasama rentas sektor membabitkan dasar kerajaan, kepakaran industri dan sokongan komuniti setempat.

"Pengajaran daripada pelaksanaan di Elmina akan membantu memperhaluskan model untuk diguna pakai lebih meluas, termasuk oleh pemaju hartanah lain di seluruh negara," katanya.